

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1990/91

Jun 1991

FCP 451 Konsep Asas Farmasi Klinikal

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. Encik EA telah dimasukkan ke HUSM pada 22/5/91 setelah mengalami kemalangan jalanraya di simpang Bachok/Kuala Beris. Semasa dimasukkan ke Unit Kemalangan dan Kecemasan didapati pesakit tidak sedarkan diri dengan darah mengalir daripada kecederaan di temporal dan kedua-dua siku. Pemeriksaan fizikal mendapati kecederaan di temporal selebar 2 inci dan fisura di kedua-dua siku. Laporan X-ray menunjukkan keretakan temporal. Rawatan awal di Unit Kemalangan dan Kecemasan termasuk 1 pint darah dan dresing di kedua-dua siku. Kemudian pesakit telah dimasukkan ke wad 3U dan diberikan D5W 2 pint, NS 2 pint dalam masa 24 jam. Pesakit juga diberikan Petidin IV 25 mg q 4 jam, ampicilin IV 500 mg qid, gentamisin IV 80 mg tds, manitol 20% I.V. 400 ml infusi selama 60 minit dan deksametason 10 mg IV stat diikuti dengan 4 mg IV setiap 6 jam. Pada 23hb. Mei 1991, pesakit telah dimasukkan ke ICU kerana kesukaran bernafas dan ketidakseimbangan asid-bes.

Pemeriksaan fizikal di ICU mendapati BP 100/70 mmHg, PR 120/min, T = 38.5°C, RR 40/min.

Laporan makmal awal = Na⁺ - 130 mM/l, K⁺ - 6 mM/l

Urea - 7 mM/l. RBS = 16 MM/l.

ABG ; pH - 7.3, pO₂ - 70, pCO₂ - 80, HCO₃ - 35.

...3/-

(A) Tuliskan kembali laporan di atas mengikut susunan POMR.

(10 markah)

(B) Berikan senarai masalah Ahli Farmasi pada 23/5/91 di ICU.

(5 markah)

(C) Senaraikan sejarah rawatan drug dan sejarah penyakit yang mempengaruhi keadaan pesakit di ICU.

(5 markah)

(D) Jika anda pegawai farmasi bertugas di ICU pada 23/5/91, berikan contoh SOAP yang anda perlu tulis di BHT pesakit.

(5 markah)

2. Tulis nota-nota mengenai perkara-perkara berikut:

(i) Agonis - Antagonis Narkotik bercampur.

(8 markah)

...4/-

- (ii) Terapi kombinasi di antara narkotik dan bukan narkotik di dalam rawatan nyeri.

(7 markah)

- (iii) Faktor-faktor yang harus dipertimbangkan di dalam pengurusan nyeri kronik.

(10 markah)

3. AB seorang pengembara dari Eropah, berumur 35 tahun telah didiagnoskan menghidap 'AIDS'. Semasa pemeriksaan fizikal dibuat didapati pesakit belum mengalami komplikasi yang teruk. Pegawai perubatan hendak memulakan rawatan terapi drug kepada AB. Ujian makmal fungsi renal, hati dan hemoglobin adalah normal.

- (A) (i) Terangkan dengan ringkas bagaimana sindrom kekurangan daya tahan (AIDS) boleh berlaku dan komplikasinya.

(5 markah)

...5/-

- (ii) Cadangkan drug, regimen dos rawatan yang sesuai untuk AB serta kesan mudaratnya.

(8 markah)

- (B) Bincangkan mekanisme dan pengurusan bagi empat (4) kesan mudarat kronik akibat penggunaan amfoteresin B.

(12 markah)

4. Puan BC (35 tahun) telah dimasukkan ke hospital untuk rawatan kemoterapi kansernya. Beliau akan dirawat dengan siklofosfamid, adriamisin dan sisplatin.

- (A) Terangkan mekanisme muntah induksian-kemoterapi anti-kanser.

(5 markah)

- (B) Bincangkan dengan terperinci semua agen antiemetik yang berkesan bagi rawatan muntah-induksian kemoterapi serta menyatakan kesan mudarat setiap agen itu.

(15 markah)

- (C) Cadangkan satu regimen gabungan antiemetik untuk Puan BC dan berikan rasional penggunaan terapi gabungan ini.

(5 markah)

5. (A) Bincangkan dengan ringkas prinsip-prinsip pemilihan antimikrob di dalam rawatan penyakit berjangkit.

(15 markah)

- (B) Apakah maksud profilaksis perubatan khas dan bukan-khas? Cadangkan satu regimen antibiotik dan pemantauan lengkap yang sesuai bagi profilaksis berikut :

- (i) profilaksis khas untuk demam reumatik.
- (ii) profilaksis bukan-khas untuk jangkitan semula saluran kencing.

(10 markah)

...7/-

Lampiran

Senarai Nilai Normal Makmal

1.	Ammonia	80-110 mcg/dl atau	47-65 $\mu\text{mol/L}$
2.	Amilase	4-25 IU/ml	
3.	Bilirubin		
	- Langsung	0-0.2 mg/dl	0-3 $\mu\text{mol/L}$
	- Tak langsung	0.2-0.8 mg/dl	30-14 $\mu\text{mol/L}$
	- Total	0.2-1 mg/dl	30-17 $\mu\text{mol/L}$
4.	CO ₂	20-30 mEq/L	24-30 mMol/L
5.	pCO ₂	35-45 mmHg	
6.	Cl	100-106 mEq/L	100-106 mMol/L
7.	Cpk	lelaki 5-55 mU/ml wanita 5-35 mU/ml	0.08-0.91 mMol/L 0.08-0.58 mMol/L
8.	Kreatinin (SCr)	0.6-1.5 mg/dl	60-130 $\mu\text{mol/L}$
9.	Glukosa rawak	70-110 mg/dl	3-10 $\mu\text{mol/L}$
10.	Zat besi	50-150 mcg/dl	9.0-26.9 $\mu\text{mol/L}$
11.	Laktik dehidrogenase	60-120 IU/ml	1.0-2.0 $\mu\text{mol s}^{-1}/\text{L}$
12.	Magnesium	1.5-2.0 mEq/L	0.8-1.3 mMol/L
13.	pO ₂	75-100 mmHg	
14.	pH	7.35-7.45	
15.	Asid fosfatase		
	lelaki	0.13-0.63 IU/ml	36-175 $\text{nmol s}^{-1}/\text{L}$
	wanita	0.01-0.65 IU/ml	2.8-156 $\text{nmol s}^{-1}/\text{L}$
16.	Alkaline fosfatase	13-39 IU/L	0.22-0.65 $\mu\text{mol/L}$
17.	Fosforus	3.0-4.5 mg/dl	1.0-1.5 mMol/L
18.	Kalium (K ⁺)	3.5-5.0 mEq/L	3.5-5.0 mMol/L
19.	Kalsium (Ca ²⁺)	8.5-10.5 mg/dl	2.1-2.6 mMol/L
20.	Na ⁺	135-145 mEq/L	135-145 mMol/L
21.	HCO ₃ ⁻	24-38 mEq/L	24-28 mMol/L

...8/-

22.	Protein		
	Total	6.0-8.5 g/dl	60-85 g/L
	Albumin	3.5-5.0 g/dl	35-50 g/L
	Globulin	2.3-3.5 g/dl	23-35 g/L
	Transferin	200-400 mg/dl	2.0-9.0 g/L
23.	Transaminase (SGOT)	10-40 IU/ml	0.08-0.32 $\mu\text{mol s}^{-1}/\text{L}$
24.	BUN	8-25 mg/dl	2.9-8.9 mMol/L
25.	Asid urik	3-7 mg/dl	0.18-0.42 mMol/L
26.	Gambaran darah		
	Sel darah merah (RBC)		
	lelaki	4.8-6.4 $\times 10^6/\text{mm}^3$	
	wanita	4.2-5.4 $\times 10^6/\text{mm}^3$	
	Sel darah putih (WBC)	4.0-11.0 $\times 10^3/\text{mm}^3$	
	P	60-75%	
	L	20-40%	
	U	4-8%	
	B	0-1%	
	E	1-3%	
	Platelat (Plt)	200-400 $\times 10^3/\text{mm}^3$	
27.	ESR - lelaki	0-10 mm/jam (Wintrobe)	
	wanita	0-15 mm/jam (Wintrobe)	
28.	Hematokrit		
	lelaki	45-52%	
	wanita	37-48%	
29.	Hemoglobin (Hgb)		
	lelaki	13-18 g/dl	
	wanita	12-16 g/dl	
30.	Mean protrombin (PT)	75-100% nilai asas	
31.	APTT	25-37 saat	
32.	Klarence kreatinin (CrCl)	105-150 ml/min/1.73 m ²	
33.	TT ₄	3.0-7.5 mcg/dl	
34.	RT ₃ ^U	25-35%	
35.	FTI	1.3-4.2	